


KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2013

**PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PERTANIAN
DAN PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI
PERTANIAN, PEMBANTU VETERINAR DAN PENOLONG PEGAWAI
VETERINAR**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2013

PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PERTANIAN DAN PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN, PEMBANTU VETERINAR DAN PENOLONG PEGAWAI VETERINAR

TUJUAN

1. Pekeling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penjumudan skim perkhidmatan Pembantu Pertanian dan pindaan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian, Pembantu Veterinar dan Penolong Pegawai Veterinar yang sedang berkuat kuasa.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan bersetuju supaya skim perkhidmatan Pembantu Pertanian dijumudkan berikutan perubahan skop fungsi tugas dan pengiktirafan Sijil Institut Pertanian (SIP) yang diiktiraf setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Sehubungan itu, struktur hierarki dalam perkhidmatan pertanian dikurangkan dan skop tugas skim perkhidmatan Pembantu Pertanian diambil alih oleh skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian.

3. Skim perkhidmatan Pembantu Veterinar dan Penolong Pegawai Veterinar pula ditambah baik dengan mewujudkan skim perkhidmatan bersepadu yang baharu iaitu Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar Gred G17, G22, G26, G27/28, G32, G36. Perubahan ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kemajuan kerjaya perkhidmatan Veterinar.

PINDAAN

Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian

4. Pindaan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian yang baharu dilaksanakan melalui perubahan kelayakan masuk Penolong Pegawai Pertanian Gred G27 iaitu **SIP atau diploma dalam bidang pertanian**.

Skim Perkhidmatan Pembantu Veterinar dan Penolong Pegawai Veterinar

5. Skim perkhidmatan Pembantu Veterinar dan Penolong Pegawai Veterinar yang berkuat kuasa dipinda kepada skim perkhidmatan yang baharu seperti berikut:

Sedia Ada	Baharu
Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26	Pembantu Veterinar/ Penolong Pegawai Veterinar Gred G17, G22, G26, G27/28, G32, G36
Penolong Pegawai Veterinar Gred G27, G32, G36	

6. Pindaan skim perkhidmatan Pembantu Veterinar dan Penolong Pegawai Veterinar adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26 dan Penolong Pegawai Veterinar Gred G27, G32, G36 dijadikan skim perkhidmatan bersepadu Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar Gred G17, G22, G26, G27/28, G32, G36;
- (b) kelayakan masuk bagi Penolong Pegawai Veterinar G27 diubah kepada sijil veterinar atau diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian awam tempatan;
- (c) kelayakan masuk bagi Pembantu Veterinar Gred G17 dikekalkan pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja;
- (d) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred G17 atau Gred G22 ke Gred G28 adalah tertakluk kepada memiliki kelayakan sijil veterinar atau diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian awam tempatan dan syarat-syarat kenaikan pangkat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (e) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred G26 ke Gred G28 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

7. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian dan Pembantu Veterinar/ Penolong Pegawai Veterinar yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **A1**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) adalah seperti di Lampiran **C** dan **C1**. Penguraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran D, D1** dan **D2**.

PELAKSANAAN

Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan

8. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

Skim Perkhidmatan Pembantu Pertanian dan Penolong Pegawai Pertanian

9. Pembantu Pertanian Gred G17, G22 dan G26 yang dilantik secara tetap akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G27.

10. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini. Gred jawatan/gaji pegawai adalah tidak berubah.

11. Pembantu Pertanian yang bersetuju ditukar lantik hendaklah ditempatkan di jawatan-jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G27 sedia ada yang kosong. Sekiranya kekosongan sedia ada tidak dapat menampung bilangan pegawai yang ditukar lantik, Ketua Jabatan hendaklah menghubungi jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)], untuk mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Pertanian secara KUP sehingga pegawai dapat mengisi jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G27 secara hakiki atau dinaikkan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Jawatan KUP ini hendaklah dimansuhkan apabila penyandang mengosongkan jawatan KUP tersebut atas sebab kenaikan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Sekiranya ada keperluan untuk menggantikan jawatan yang

dimansuhkan tersebut, agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan justifikasi yang lengkap kepada jabatan ini (BPO) untuk pertimbangan.

12. Jabatan ini akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Senarai Perjawatan sedia ada. Agensi diminta menghubungi jabatan ini (BPO) sekiranya urusan tukar lantik ini mengakibatkan perubahan struktur organisasi atau masalah penyeliaan kerja.

13. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

Skim Perkhidmatan Pembantu Veterinar dan Penolong Pegawai Veterinar

14. Pembantu Veterinar Gred G17, G22 dan G26 yang telah dilantik secara tetap akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baharu iaitu Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar Gred **G17, G22, G26, G27/28, G32, G36** berdasarkan kelayakan akademik yang dimiliki oleh pegawai pada **1 Julai 2013** seperti berikut:

Pegawai Yang Memiliki Kelayakan

- (a) Pembantu Veterinar Gred G17, G22 dan G26 yang memiliki kelayakan Sijil Veterinar daripada Institut Veterinar Malaysia (IVM) atau diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar akan ditukar lantik ke Penolong Pegawai Veterinar di Gred G27; atau
- (b) Pembantu Veterinar Gred G17, G22 dan G26 yang memiliki Sijil Latihan Perkhidmatan Pembantu Veterinar dan yang setara dengannya sebelum tahun 2004 daripada Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan ditukar lantik ke Penolong Pegawai Veterinar di Gred G27.

Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan

- (c) **Pembantu Veterinar Gred G17, G22 dan G26** yang tidak memiliki kelayakan sijil veterinar akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar/ Penolong Pegawai Veterinar Gred **G17, G22, G26, G27/28, G32, G36** yang **baharu** mengikut **gred ke gred** seperti berikut:
- (i) Pembantu Veterinar Gred G17 akan ditukar lantik ke Pembantu Veterinar Gred G17;
 - (ii) Pembantu Veterinar Gred G22 akan ditukar lantik ke Pembantu Veterinar Gred G22; dan
 - (iii) Pembantu Veterinar Gred G26 akan ditukar lantik ke Pembantu Veterinar Gred G26.

15. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G27, G32, G36 adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan bersepadu Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar Gred **G17, G22, G26, G27/28, G32, G36** yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini. Gred jawatan/gaji pegawai adalah tidak berubah.

16. Pembantu Veterinar yang memiliki kelayakan dan bersetuju ditukar lantik hendaklah ditempatkan di jawatan-jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G27 sedia ada yang kosong. Sekiranya kekosongan sedia ada tidak dapat menampung bilangan pegawai yang ditukar lantik, Ketua Jabatan hendaklah menghubungi jabatan ini (BPO), untuk mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Veterinar secara KUP sehingga pegawai dapat mengisi jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G27 secara hakiki atau dinaikkan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Jawatan KUP ini hendaklah dimansuhkan apabila penyandang mengosangkan jawatan KUP tersebut atas sebab kenaikan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Sekiranya ada keperluan untuk menggantikan jawatan yang dimansuhkan tersebut, agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan justifikasi yang lengkap kepada jabatan ini (BPO) untuk pertimbangan.

17. Jabatan ini akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Senarai Perjawatan sedia ada. Agensi diminta menghubungi jabatan ini (BPO) sekiranya urusan tukar lantik ini mengakibatkan perubahan struktur organisasi atau masalah penyeliaan kerja.

18. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PEMBERIAN OPSYEN

19. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Pertanian dan Pembantu Veterinar bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

20. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

21. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai berkenaan akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah dijumudkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian dan Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

22. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

23. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada **1 Julai 2013**, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

24. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

25. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

26. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 24, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

27. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Pertanian dan Pembantu Veterinar sedia ada, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) **Skim Perkhidmatan Pembantu Pertanian**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi **Pembantu Pertanian Gred G17** seperti di **Lampiran E, E1** dan **E2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi **Pembantu Pertanian Gred G22** dan **G26** seperti di **Lampiran F, F1** dan **F2**.

(b) **Skim Perkhidmatan Pembantu Veterinar**

(i) **Pegawai Yang Memiliki Kelayakan**

- (a) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi **Pembantu Veterinar Gred G17 yang memiliki kelayakan** seperti di perenggan 14 (a) dan (b) adalah di **Lampiran G, G1** dan **G2**; dan
- (b) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi **Pembantu Veterinar Gred G22** dan **G26 yang memiliki kelayakan** seperti di perenggan 14 (a) dan (b) adalah di **Lampiran H, H1** dan **H2**.

(ii) **Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan**

Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi **Pembantu Veterinar Gred G17, G22 dan G26 yang tidak memiliki kelayakan** seperti di perenggan 14 (a) dan (b) adalah di **Lampiran J, J1 dan J2**.

28. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baru.

Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Pegawai Yang Ditukar Lantik Ke Gred Jawatan Lebih Tinggi

29. Pembantu Pertanian Gred G17 dan Pembantu Veterinar Gred G17 yang ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan sebagai Penolong Pegawai Pertanian Gred G27 dan Penolong Pegawai Veterinar Gred G27, layak untuk membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

30. Pembantu Pertanian Gred G17 dan Pembantu Veterinar Gred G17 yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G27 dan Penolong Pegawai Veterinar Gred G27 tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

31. Pembantu Pertanian Gred G17 dan Pembantu Veterinar Gred G17 yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

32. Sekiranya pegawai di **perenggan 31 tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan**, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

33. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran K**.

(c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

34. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau

- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
 - (c) pada gaji permulaan kelayakan diploma bagi Pembantu Pertanian dan Pembantu Veterinar yang memiliki kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.
35. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.
36. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran L**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

37. Pergerakan Gaji Tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan mengikut amaun Kenaikan Gaji Tahunan di jawatan asal.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

38. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

39. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

TARIKH KUAT KUASA

40. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013**.

PEMBATALAN

41. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Pertanian, Penolong Pegawai Pertanian, dan Penolong Pegawai Veterinar dalam semua pekeliling perkhidmatan, surat pekeliling perkhidmatan dan surat edaran berikut adalah dibatalkan kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang menolak opsyen. Senarai skim perkhidmatan yang dibatalkan adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pembantu Pertanian di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2003;
- (b) skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian dan Penolong Pegawai Veterinar di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002; dan
- (c) skim perkhidmatan Pembantu Veterinar di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2005.

PEMAKAIAN

42. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	: G27, G32, G36
TARIKH KUAT KUASA	: 1 JULAI 2013
SYARAT LANTIKAN	<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) warganegara Malaysia;(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;(c) (i) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred G27: RM1,362.85); atau (ii) diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G27: RM1,738.86).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	<ol style="list-style-type: none">2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	<ol style="list-style-type: none">3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	<ol style="list-style-type: none">4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	<ol style="list-style-type: none">5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN	<ol style="list-style-type: none">6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	<ol style="list-style-type: none">7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- 8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

- 9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G32**

- 10. Penolong Pegawai Pertanian Gred G27 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G32 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G36**

- 11. Penolong Pegawai Pertanian Gred G32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G36 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEGAWAI PERTANIAN
GRED G41**

- 12. Penolong Pegawai Pertanian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Pertanian Gred G41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

LAMPIRAN A1

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR/PENOLONG PEGAWAI VETERINAR

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	: G17, G22, G26, G27/28, G32, G36
TARIKH KUAT KUASA	: 1 JULAI 2013
SYARAT LANTIKAN	<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-<ol style="list-style-type: none">(a) warganegara Malaysia;(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred G17: RM932.15).(d) (i) Sijil Veterinar daripada Institut Veterinar Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred G27: RM1,362.85); atau (ii) diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G27: RM1,814.06).2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G17 dan Gred G27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
TEMPOH PERCUBAAN	

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G22**

10. Pembantu Veterinar Gred G17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G22 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G26**

11. Pembantu Veterinar Gred G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G28**

12. Pembantu Veterinar Gred G17 atau G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G28 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d)(i) atau (d)(ii);
- (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pembantu Veterinar Gred G26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G28 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Penolong Pegawai Veterinar Gred G27/28 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
15. Penolong Pegawai Veterinar Gred G32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G36 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
16. Penolong Pegawai Veterinar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Veterinar yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2005).

Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Veterinar yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

LAMPIRAN C

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JULAI 2013
PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305GA36000	G36	3,395.01	6,273.61	180.00
SSM305GA32000	G32	2,728.44	5,042.22	155.00
SSM305GA27000	G27	1,362.85	4,429.65	145.00

LAMPIRAN C1

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JULAI 2013
PEMBANTU VETERINAR/PENOLONG PEGAWAI VETERINAR**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305GA36000	G36	3,395.01	6,273.61	180.00
SSM305GA32000	G32	2,728.44	5,042.22	155.00
SSM305GA28000	G28	1,362.85	4,429.65	145.00
SSM305GA27000	G27	1,362.85	4,429.65	145.00
SSM305GA26000	G26	2,487.46	4,195.83	125.00
SSM305GA22000	G22	2,169.55	4,007.14	115.00
SSM305GA17000	G17	932.15	3,094.80	95.00

LAMPIRAN D

PENGHURAIAN KERJA UMUM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Pegawai Pertanian Gred G27, G32, G36.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas pengembangan termasuk kerja-kerja merancang, melaksana, menilai dan mengesan program-program pembangunan melalui pelaksanaan Projek Perladangan Berkelompok. Selain itu, bertanggungjawab membantu merancang aktiviti-aktiviti penerangan berhubung dengan polisi projek, menghadiri ceramah, dialog/kursus latihan, memberi taklimat dan menerbitkan risalah dan bahan terbitan berhubung dengan projek pertanian.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Bidang Pengembangan Pertanian Dan Industri Asas Tani

- a. Merancang, menyedia dan mengemaskini belanjawan, laporan prestasi fizikal dan kewangan program tahunan dan lima (5) tahun dalam program pengembangan, perundingan pelaburan dan industri asas tani.
- b. Menyelaras, melaksana, mengumpul data dan menyediakan laporan program pengembangan, perundingan pelaburan dan industri asas tani.
- c. Menyelaras, melaksana dan menilai program latihan bagi pembangunan modul dan tenaga pengajar dalam pengembangan, industri asas tani dan perundingan pelaburan.
- d. Menilai kesesuaian syor teknologi bagi tujuan peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan.
- e. Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada golongan sasar.
- f. Menyelaras, melaksana dan memantau aktiviti promosi, pameran dan hebahan kepada golongan sasar.

- g. Merancang, menyelaras dan melaksana segala keperluan perolehan dan mengagihkan input, peralatan, bahan-bahan dan kemudahan kepada pelanggan.
- h. Membantu menjalankan analisis dan penyesuaian teknologi bagi tujuan peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan.

4.2 Bidang Hortikultur

- a. Mengumpul dan mengemas kini pangkalan data berkaitan tanaman buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang.
- b. Menyelia aktiviti pembangunan dan pengeluaran tanaman serta menyediakan laporan kemajuan tanaman Taman Kekal Pengeluaran Makanan.
- c. Melaksana aktiviti promosi dan pemasaran buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang.
- d. Mengumpul data inventori tanaman buah-buahan bermusim.
- e. Memberi latihan dan khidmat nasihat teknikal dan/atau perundingan dalam aspek pengeluaran, pengendalian lepas tuai dan pemasaran tanaman buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang.
- f. Memantau dan/atau menyelia pelaksanaan program/aktiviti berkaitan tanaman buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang.
- g. Mengenal pasti, menyelia dan/atau melaksana aktiviti pengeluaran, pengesahan dan pengagihan benih buah-buahan, sayuran tanaman ladang di stesen serta menyedia laporan berkaitan.
- h. Mengumpul data dan menyedia laporan aset hidup tumbuhan.
- i. Menyelia kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan petak arboretum dan repositori tanaman serta mengumpul data dan menyedia laporan.
- j. Mengumpul data, menjalankan kerja-kerja pengesahan dan pengesyoran varieti tanaman untuk tujuan pengesyoran dan pendaftaran.
- k. Menyedia jadual kerja dan menyelia pekerja bagi pembangunan dan penyelenggaraan stesen serta penuaian/pengumpulan hasil ladang.
- l. Melaksana kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan stesen serta menyedia laporan rekod ladang dan rekod-rekod lain yang berkaitan.
- m. Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan (verifikasi) dan audit ladang Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM).

4.3 Bidang Padi, Tanaman Industri Dan Florikultur

- a. Mengurus, menyelaras, menyelia dan melaksanakan aktiviti pengeluaran dan pengedaran benih dan bahan tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan tanaman florikultur.
- b. Menyelaras, menyelia dan melaksanakan kerja-kerja inspektorat ladang dan premis pemprosesan benih padi dalam Skim Pengesahan Benih Padi Sah bagi tujuan kawalan kualiti.
- c. Mengurus, menyelia dan melaksanakan petak pasca kawalan tanaman padi bagi tujuan perakuan kualiti benih padi sah.
- d. Mengurus, menyelaras dan melaksanakan petak promosi dan pemerhatian teknologi di ladang petani dan stesen pembangunan komoditi bagi tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur.
- e. Menyemak, menyelia dan melaksanakan pengumpulan data dan maklumat bagi keperluan pangkalan data tanaman padi, tanaman industri dan florikultur.
- f. Menyelaras, menyelia dan menyediakan program kerja-kerja harian Pekerja Awam di stesen.
- g. Memantau, menyelia dan melaksanakan aktiviti pemantauan dan pengesahan projek padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur.

4.4 Bidang Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Tanah

- a. Menyelaras, menyelia dan melaksana kerja-kerja siasatan tanah, guna tanah, kesuburan tanah, pemuliharaan tanah, makmal analisis dan penilaian sumber tanah.
- b. Menjalankan penyiasatan tanah lengkap, separa lengkap dan pengesahan kesesuaian tanah-tanaman serta menyediakan profail dan monolith tanah.
- c. Mengurus permohonan kesesuaian tanah-tanaman, kesuburan tanah, guna tanah dan data geospatial.
- d. Mengekstrak data geospatial untuk pengeluaran peta tanah, peta guna tanah dan peta terbitan lain yang berkaitan dengan tanah.
- e. Menyelia dan menyemak kerja-kerja pemprosesan imej satelit dan mengemaskini pengkalan data geospatial.

- f. Menyelaras dan memberi latihan ‘hands-on’ pengurusan dan pemuliharaan sumber tanah di lapangan.
- g. Menyelaras, menyelia dan mengendali kerja-kerja pengambilan sampel air, tanah, daun, baja dan hasil pertanian untuk analisis di makmal.
- h. Mengetuai dan menjalankan kerja-kerja pengemaskinian dan verifikasi guna tanah di lapangan berasaskan imej satelit.
- i. Menyedia, menyemak dan mendaftar laporan dan peta pengesahan tanah, guna tanah dan peta terbitan lain.
- j. Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan pengauditan tapak bagi persijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia dan Skim Organik Malaysia.
- k. Menyelaras dan melaksanakan pengumpulan data dari petak pemerhatian dan petak promosi kesuburan dan pemuliharaan tanah.
- l. Memberi khidmat nasihat kesesuaian tanah-tanaman, pengurusan kesuburan dan pemuliharaan tanah, penilaian data tanah serta guna tanah geospatial.
